

Biasiswa BAeK PTPTN bantu realisasikan impian pelajar untuk sambung belajar

• Oleh Berita Harian- 17 June , 2026 @ 11:45 am



Adam Adli (dua dari kanan) menyerahkan surat Tawaran Biasiswa Anak eKasih PTPTN (BAeK PTPTN) kepada salah seorang pelajar di Melaka, Muhammad Asymawi.

Seramai 402 pelajar daripada keluarga miskin dan miskin tegar di seluruh negara telah menerima manfaat di bawah Biasiswa Anak eKasih PTPTN (BAeK PTPTN) bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM8.79 juta setakat Mei lalu. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Adam Adli Abd Halim berkata, inisiatif penukaran pinjaman PTPTN kepada bentuk biasiswa bagi pelajar yang berdaftar dalam pangkalan data eKasih ini membuktikan komitmen tinggi kerajaan dalam memastikan kekangan sosioekonomi tidak menghalang golongan kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Pelaksanaan skim pendidikan percuma di bawah Belanjawan 2026 itu turut memberi impak besar dalam meringankan beban kewangan keluarga, termasuk membantu merealisasikan impian pelajar seperti Muhammad Asymawi Mat Nor dan Alia Batrisyia Abu Samah di Melaka untuk menyambung pengajian tanpa dibebani hutang selepas tamat belajar. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan PTPTN menyasarkan jumlah penerima inisiatif ini ditingkatkan kepada 10,000 orang pelajar di bawah Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035 sebagai pemangkin utama untuk mengubah taraf hidup masyarakat menerusi pendidikan.